

Dilema anak tunggal

Remaja teringin belajar di sekolah asrama penuh tidak dapat keizinan ibu

Soalan
DOKTOR, saya anak tunggal keluarga. Baru-baru ini, saya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan secara diam-diam memohon untuk belajar di sekolah berasrama penuh sebelum keputusan PMR keluar. Sejak kecil, saya berminat tinggal di asrama dan pernah mendapat tawaran itu selepas memperoleh keputusan cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), malangnya ibu melarang saya pergi.

Saya hairan dengan sikap ibu yang dirasakan terlalu mengongkong manakala ayah tidak menghalang. Pernah ibu beritahu saya, tinggal di asrama tidak bagus kerana nanti akan dibuli pelajar senior. Ibu juga beritahu kalau tinggal di asrama, hubungan keluarga tidak berapa baik. Saya rasa ibu memberi alasan yang salah untuk tidak membenarkan saya tinggal di asrama. Sebagai anak tunggal, saya tahu ibu sangat sayangkan saya dan tidak mahu berenggang, apatah lagi ayah sentiasa sibuk dengan kerjayanya. Ayah selalu keluar daerah hingga saya kadangkala hairan dengan kesibukannya. Mungkin ayah dan ibu ada masalah komunikasi dalam perkahwinan dan ibu menjadikan saya sebagai

teman berbincang, bukan ayah. Selalunya ibu dan saya saja tinggal di rumah. Ibu juga tidak mahu saya tinggal di asrama kerana dia kesunyian. Mungkin ibu ada sebab lain mengapa dia tidak benarkan saya tinggal di asrama dan begitu memanjakan saya. Walaupun faham perasaan ibu, tapi saya juga ingin memenuhi impian hidup yang mahu berjaya dalam pelajaran. Apa yang perlu saya lakukan?

Dalam dilema Pulau Pinang

Jawapan
KELUARGA adalah pembebanan Tuhan untuk berkasih sayang. Tanpa mengira jumlah saiz dalam keluarga, setiap ahli keluarga mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk memberi dinamik dalam persekitaran kekeluargaan. Antara peranan penting ibu bapa ialah membantu anak berkembang dari sudut fizikal, minda, kerohanian dan emosi. Menjadi ibu atau bapa kepada anak tunggal bukanlah lebih mudah atau lebih sukar. Melihat kepada perbezaan dan keunikannya dapat meningkatkan pengalaman serta kemesraan pembinaan sebuah keluarga bahagia. Apabila anak mencapai usia aha menuju kematangan, ibu bapa kepada anak tunggal



KERJASAMA...kejasama tidak semestinya hanya bagi pelajar di sekolah berasrama penuh. - Gambar hiasan

perlu bersifat lebih fleksibel untuk memenuhi segala impian dan minat peribadi dan kerjayanya sendiri. Pada waktu sama, tidak mengetepikan tanggungjawab mereka terhadap anak. Anak juga perlu diberi tanggungjawab mengurus kehidupan sendiri. Seperti adik, Dr juga tidak mengetahui faktor sebetar ibu amat memanjakan adik tetapi ada ahli psikologi melihat ibu bapa yang hanya mempunyai anak tunggal bergelut dengan perasaan bersalah kerana

tidak dapat melahirkan anak lain. Untuk menutup perasaan bersalah ini, anak tunggal dimanjakan dan diindungi untuk menutup segala kekurangan emosi si anak kerana tiada adik-beradik lain. Di asrama, ada peraturan yang melarang perbuatan buli. Justeru, adik tidak perlu takut. Mengenai hubungan yang tidak mesra akibat tinggal di asrama, kemesraan serta keakraban keluarga dibina melalui kejayaan

keluarga membesar dalam suasana harmoni, saling menegur dan merendahkan ego sesama ahli. Tinggal di asrama tidak bermakna elemen ini tidak dapat diwujudkan oleh sesebuah keluarga. Walaupun tidak bertemu setiap hari, lawatan setiap minggu jika dilakukan secara berkualiti tentunya dapat meningkatkan lagi hubungan. Sekali lagi, sukar untuk adik dan Dr mengetahui punca sebenar ibu bersikap terlalu mengongkong dan tidak

membenarkan adik tinggal di asrama. Apa pun, Dr yakin ia dilakukan atas dasar kasih sayang. Perbincangan dengan ibu mengenai matlamat hidup adik dan juga bagaimana isu buli dan hubungan keakraban kekeluargaan yang masih boleh dibina boleh membantu membuka ruang persetujuan ibu untuk membenarkan adik tinggal di asrama. Meletakkan diri adik di tempat ibu membolehkan adik memahami perasaan serta sikap kuat mengongkong ibu. Ini tidak bermakna ibu akan melepaskan adik untuk tinggal di asrama. Namun, ia membuka jalan bagaimana ibu melihat dunia adik dari satu perspektif yang baru. Jika adik benar-benar dapat meyakinkan ibu bagaimana kasih sayang adik terhadapnya serta adik dapat menjaga diri dan berusaha kuat untuk memenuhi cita-cita walaupun tinggal di asrama, kemungkinan mendapat persetujuan ibu untuk membenarkan adik tinggal di asrama adalah amat tinggi. Bagaimanapun, tidak semestinya adik perlu tinggal di asrama untuk berjaya dalam pelajaran. Di rumah juga, adik boleh cemerlang dalam pelajaran jika tekun berusaha. Dr doakan adik berjaya dalam memenuhi segala matlamat kehidupan.

Soalan
SAYA mengenali seorang gadis dari laman web sosial, baru-baru ini. Perkenalan itu dimulakan oleh si dia. Pada mulanya, saya hanya menganggap perkenalan itu sekadar kawan biasa dan kami saling berkomunikasi melalui mesej dan laman sosial. Namun hanya selepas dua minggu kenal, dia merayu agar saya menjadi kekasihnya. Saya menolak tetapi dia terus memaksa. Sekarang saya menjadi keliru kerana lebih memikirkan mengenai soal kerjaya berbanding cinta. Apa harus saya buat Dr sebab dia selalu menyatakan dirinya sunyi manakala lelaki

Kenalan paksa terima cinta

pula suka menipu dirinya. Saya tidak sanggup mengecewakannya dan tidak mahu dia hilang tumpuan belajar sekiranya menolak cinta yang dihulurkan. **Buntu Ampang, Selangor**

Jawapan
MEMANDANGKAN setiap manusia adalah arkitek kehidupannya sendiri, adik perlu bijak merencanakan kehidupan. Dalam persoalan cinta, ia tidak boleh dipaksa kerana perasaan kasihan

boleh melukakan. Ini kerana cinta bukanlah kata-kata murah dan lumrah dituturkan daripada mulut ke mulut tetapi cinta adalah anugerah Tuhan yang indah dan suci jika manusia dapat menilai kesuciannya. Adik tidak boleh menukarkan cinta jika ia tidak datang sebagai satu anugerah dalam hidup. Adik juga tidak boleh memenuhi kesunyian gadis itu melalui pengorbanan cinta dengan memaksa diri sendiri. Adik tidak bersifat adil

kepada diri dan juga gadis berkenaan. Jika adik boleh mengasingkan soal kerjaya dengan cinta, tiada salahnya adik boleh terbabit dalam percintaan yang boleh mengelirukan kelak. Namun, perlu juga adik bertanya pada diri sendiri, adakah adik ikhlas dengan perasaan cinta itu? Adakah cinta sebegini yang adik inginkan? Sekiranya adik rasakan tidak mampu untuk memberi, adalah lebih baik untuk me-

letakkan keutamaan kepada perkara yang lebih diinginkan dalam hidup. Dalam konteks ini, kerjaya adik. Pepatah ada mengatakan 'kejarlah cita-cita sebelum cinta, apabila tercapainya cita-cita maka dengan sendirinya cinta itu akan hadir.' Memberitahu perkara sebenar dan bersifat ikhlas dengan perasaan adalah jauh lebih baik daripada adik menipu diri sendiri dan gadis itu. Jika tidak dapat menjadi kekasihnya, ini tidak bermak-

na adik perlu memutuskan hubungan persahabatan kalian berdua. Justeru, gadis itu boleh meluahkan perasaan sunyinya kepada seorang sahabat tanpa membabitkan perasaan cinta. Mengenai lelaki yang suka menipu gadis itu, mungkin Tuhan menginginkan dia bertemu dan bercinta dengan orang yang salah sebelum bertemu dengan lelaki sebenar. Gadis itu harus berterima kasih atas kurniaan itu. Sama-sama kita doakan satu hari nanti, gadis itu akan menemui lelaki yang benar-benar mencintai dan ikhlas terhadap dirinya.